

10/07/2003

Lawatan Abdullah perkukuh hubungan Malaysia-Jepun

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

BUAT pertama kalinya, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad

Badawi mengadakan lawatan rasminya ke Jepun yang bermula hari ini, sejak beliau memegang jawatan itu empat tahun lalu.

Lawatan atas jemputan kerajaan Jepun itu mungkin dapat dilihat sebagai satu landasan baru baginya menjalin hubungan dengan Jepun, sebelum Abdullah mengambil alih kepemimpinan selepas persaraan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Oktober ini.

Dr Mahathir yang sentiasa melihat kepentingan Malaysia dengan Jepun, sering mengadakan lawatan kerja ke negara itu dengan kehadirannya menjadi sesuatu yang dinantikan.

Ia sekali gus membuktikan betapa rapatnya hubungan Malaysia dan Jepun serta bagaimana Perdana Menteri menilai kepentingan hubungan dua hala yang terjalin antara kedua-dua negara sejak 1958.

Justeru, Abdullah yang telah mengulangi pendiriannya untuk meneruskan dasar Dr Mahathir ketika mengadakan lawatan ke Brunei sebelum berlepas ke sini, memikul tanggungjawab besar dalam memastikan hubungan dua hala ini dapat dipertingkatkan lagi.

Faktor inilah yang menjadi agenda dan hala tuju utama dalam lawatan rasmi Abdullah selama tiga hari, ke negara Matahari Terbit ini.

Beliau yang dijadual menyampaikan ucaptamanya dalam satu forum perniagaan bertajuk 'Kesinambungan, Perubahan dan Kerjasama: Jepun dan Malaysia' anjuran bersama Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa serta

Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun, akan menekankan kepentingan bagi kedua-dua negara untuk terus membina jalinan kerjasama yang lebih utuh.

Malah, Abdullah juga dijangka meneruskan Dasar Pandang Ke Timur, yang wujud sejak kira-kira 20 tahun lalu, sebagai satu 'bukti' bagaimana Malaysia memandang tinggi etika kerja masyarakat negara itu - yang terkenal dengan budaya tepati masa, rajin dan berusaha gigih.

Pada masa yang sama, Abdullah akan turut mengulangi pendirian negara dalam menyarankan agar Jepun memainkan peranan besar dalam pemulihan dan pembangunan ekonomi serantau.

Ini kerana, sebagai negara yang mempunyai ekonomi kedua terbesar di dunia selepas Amerika Syarikat, Malaysia menganggap Jepun perlu menjadi pemimpin dan bukan dipimpin mana-mana pihak.

Walaupun situasi makroekonomi di Jepun adalah lembap sejak sedekad lalu, Jepun masih lagi kuasa besar dalam ekonomi. Keluaran Negara Kasar (KNK) Jepun masih yang kedua terbesar di dunia.

Namun, tugas Abdullah dalam menjalin hubungan dua hala dengan Jepun, selepas Oktober nanti, mungkin tidak lagi begitu sukar kerana Malaysia dan

Jepun sememangnya sudah mempunyai asas perhubungan yang amat teguh.

Lagi pula, Abdullah bukan seorang yang asing kepada ramai pemimpin Jepun ekoran pengalamannya sebagai Menteri Luar sebelum ini. Malah ramai bekas Menteri Luar Jepun adalah rakan baiknya.

Malah, sebagaimana yang dinyatakan Duta Jepun ke Malaysia, Masaki Konishi, sebelum ini bahawa Jepun memang berharap hubungan akrab yang dipupuk di bawah kepemimpinan Dr Mahathir akan diteruskan oleh Perdana Menteri baru kelak.

Beliau dipetik sebagai berkata: "Malaysia dan Jepun sudah menjadi rakan akrab dalam pelbagai bidang. Walaupun dengan persaraan Dr Mahathir, Jepun akan terus bekerjasama dengan Malaysia yang dianggap negara penting di Asia Tenggara."

Maka tidak hairanlah mengapa Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi pada awal tahun lalu, mencetuskan satu idea bagi memulakan Perkongsian Ekonomi Rapat (CEP) untuk mempelopori lebih banyak jalinan kerjasama yang dapat dibuat antara kedua-dua negara.

(CEP sudah memulakan perbincangan pada peringkat pegawai tertinggi kedua-dua negara, dengan menyertakan sektor swasta dan ahli akademik bagi membolehkan pihak berkenaan menyertai perbincangan mengenai isu-isu yang akan dimasukkan dalam CEP.)

Pada masa yang sama, Duta Malaysia ke Jepun, Datuk Marzuki Mohammad Noor ketika bercakap kepada pemberita Malaysia di Tokyo, berkata kerajaan Jepun memandang positif kepada peralihan kepemimpinan yang sedang dilalui Malaysia.

Marzuki berkata, hubungan kerjasama antara kedua-dua negara bukan sekadar pada peringkat kerajaan iaitu dalam bidang ekonomi, politik dan perdagangan, tetapi juga wujud jalinan interaksi yang akrab di semua lapisan masyarakat.

"Kita bukan saja menjalin hubungan baik dengan pihak kerajaan, tetapi sektor lain juga mempunyai jalinan mesra. Jadi, dapat dikatakan yang tahap penyelesaian bagi hubungan dua hala ini adalah sangat tinggi," katanya.

Perdagangan antara kedua-dua negara sehingga Mac lalu berjumlah RM22.8 bilion (AS\$6 bilion) dengan jumlah eksport RM10.4 billion (AS\$2.74 bilion) dan jumlah import RM12.54 bilion (AS\$3.3 bilion).

Abdullah tiba bersama isterinya Datin Seri Endon Mahmood dan kira-kira 200 delegasi termasuk lima menteri dan dua timbalan menteri; dua menteri besar dan seorang ketua menteri; lima ahli parlimen serta sekumpulan ahli perniagaan tempatan.

Beliau dijadual mengadakan kunjungan hormat ke atas Koizumi, dan bertemu beberapa menteri Kabinet Jepun, ahli Parlimen, tokoh korporat serta pelajar Malaysia di Tokyo.

Beliau juga akan mengadakan lawatan ke Fakulti Pertanian (Horticulture) di Universiti Chiba, bagi melihat teknologi moden dalam bidang

penyelidikan sektor pertanian.

Walaupun lawatan kali ini mungkin lebih sebagai satu bentuk `familliarization' bagi Abdullah sebelum mengambil alih pucuk kepimpinan negara kelak, apa yang pasti kejayaan hubungan antara kedua-dua negara akan diteruskan pada masa akan datang.

Jika sebelum ini, rakyat Jepun mengenali Malaysia melalui Dr Mahathir, namun kewibawaan Abdullah dalam meneruskan dasar pemimpin agung kita itu, akan tetap membuahkan hasil yang sama.